

# Pengungkapan Keperibadian Secara Simbolik dalam Dua Novel Melayu

*Ariff Mohamad*

ariff@fbk.upsi.edu.my

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

## ABSTRAK

Dalam penulisan novel, pengungkapan disampaikan oleh pengarang dalam bentuk naratif atau penceritaan dan diselangi dengan perbualan watak-watak. Pengungkapan yang disampaikan secara simbolik menggunakan kaedah antaranya satira, kiasan dan perlambangan berpandukan situasi masyarakat pengarang dan juga dipengaruhi latar zaman ketika karya tertentu dihasilkan. Pengungkapan secara simbolik yang mengandungi perlambangan dalam karya bertujuan untuk mendidik, menegur, dan mengusulkan pemikiran kritis kepada pembaca. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti unsur-unsur dalam pengungkapan keperibadian secara simbolik yang dalam dua buah novel menggunakan berpandukan pandangan daripada teori semiotik Pierce. Pendekatan semiotik memerlukan penganalisis mencari penggunaan tanda-tanda dalam sesebuah karya. Tanda-tanda tersebut diungkap melalui penanda, mengikut paradoks dan kontradiksi penggunaan stail dan mekanisme penciptaan sesebuah karya yang dikuasai oleh pengarang. Analisis menggunakan semiotik untuk memberikan makna bagi tanda-tanda dalam teks yang dikaji. Dua buah novel tersebut ialah *Ratab Rabitah* dan *Anak Mat Lela Gila*. Kajian ini dapat memperlihatkan situasi masyarakat sebelum merdeka dan selepas merdeka dalam mengungkapkan tentang keperibadian watak secara simbolik oleh dua pengarang Melayu tersebut. Berdasarkan analisis, Watak Rabitah dan Mat Lela dalam kedua-dua novel tersebut telah membawa tafsiran bahawa simbol keperibadian ini mempunyai maksud dan tujuan secara sinikal. Perkaitannya dalam masyarakat juga sedemikian, kerana perlakuan watak dalam naratif amat dekat dengan realiti dalam kehidupan.

**Kata Kunci** Keperibadian, simbolik, novel Melayu

## ABSTRACT

*In novel writing, symbolic expression is delivered through satire, figurative language and symbolism. The purpose of this study was to identify the*

*elements in symbolic personality expression in two novels: Ratab Rabitah and Anak Mat Lela Gila based on the views presented in the Pierce Semiotic Theory. Semiotic analysis provided meanings to the signs used within the two novels. This study presented the societal context post and after independence. Character analysis of both Rabitah and Mat Lela in the two novels showed that personality symbols were portrayed cynically. These interpretations closely resembles real-life context.*

**Keywords** *personality, symbolic, Malay novel*

## PENGENALAN

Sesebuah karya kreatif antara lain bertujuan untuk menyampaikan pengajaran, dakwah dan pesan kepada pembaca. Pesanan ini disampaikan dengan cara yang tersendiri oleh setiap pengarang. Salah satu cara ialah pengungkapan dalam bentuk simbol. Pemecahan pengungkapan pula terbahagi melalui keseluruhan naratif (penceritaan) namun spesifik pada pembinaan watak hingga mewujudkan tafsiran karakteristik yang relevan dengan pembaca. Selain pembinaan watak, pengungkapan dapat dilihat dengan pembinaan maksud cerita yang mengaitkan dengan situasi semasa dalam ranah yang berkaitan dengan masyarakat, kehidupan seharian, kasih sayang dan politik manusia termasuk perjuangan menyedarkan masyarakat (rakyat setempat) dan pembebasan sesebuah negara daripada anasir luar seperti penjajahan dan unsur-unsur lain yang boleh menggugat kesentosaan.

Aspek lambang mengkhusus penggunaan simbol ini disorot dan dianalisis berpandukan teori semiotik. Terdapat banyak simbol yang diungkapkan oleh pengarang novel ini. Fokus analisis pada watak Rabitah yang merupakan tunggak utama perjalanan cerita dalam novel *Ratab Rabitah (RR)* dan watak Mat Lela dalam novel *Anak Mat Lela Gila (AMLG)*. Secara keseluruhan, berdirinya watak Rabitah sama seperti pembinaan watak dan perwatakan dalam novel-novel Melayu yang lain. Namun demikian, setelah dikhususkan, dikenal pasti pembinaan watak Rabitah mempunyai unsur perlambangan yang dapat ditafsirkan makna berpandukan simbol secara struktur tematik yang akan dihuraikan selanjutnya.

Pembinaan sesuatu watak adalah mengikut kehendak dan kebebasan pengarang. Dalam konteks analisis ini, watak Rabitah dibina secara bukan sembarangan. Terdapat maksud-maksud lain yang menjadikan watak ini keluar daripada kebiasaan pembinaan watak

dalam sesebuah novel. Watak Rabitah mempunyai dimensi-dimensi lain yang boleh dikaitkan dengan unsur alam, faktor sosiopolitik, sejarah dan juga unsur-unsur keislaman.

Novel ini banyak memberi maklumat dan pengetahuan tentang seni budaya Melayu. Seni bina rumah Melayu dipaparkan secara menarik apabila mengaitkan pembinaan rumah bukan sahaja dengan binaan yang menjadi model kepada unsur-unsur alam fauna dan flora, tetapi juga tertegak dengan prinsip-prinsip Islam yang suci. Begitu juga dengan seni membuat perahu, yang akrab dengan simbol-simbol alam dan hubungan dengan alam ketuhanan. Pemaparan seni budaya Melayu yang unik ini memberikan kekuatan kepada manuskrip ini. Dalam pada itu dapat dilihat tentang bagaimana setiap seni yang dipaparkan itu dikaitkan dengan Islam. Islam boleh dikatakan menjadi teras yang tersirat dalam novel ini.

Demikian juga dengan watak Mat Lela dalam *AMLG*. Watak ini digambarkan mempunyai keistimewaan secara gila-gila, mengusik dan mempunyai unsur-unsur kelucuan yang sengaja digarap oleh pengarang. *AMLG* meneruskan perjuangan menentang materialisme melalui sikap beberapa orang wataknya. Sikap Mat Lela terhadap wang kertas, sebagai simbol campur tangan Inggeris dalam kehidupan orang Melayu dan pencetus perbalahan, mendorongnya untuk mengeluarkan mata wangnya sendiri. Dalam novel ini watak Bulat bertanya, mengapa orang Melayu dan orang Sakai hidup merana dan miskin? Alang menjawab sebabnya adalah kerana mereka berpecah-belah, tidak bermuafakat, tidak bersatu hati untuk kebaikan bersama, tetapi lebih memilih sebagai pengusaha secara kecil-kecilan.

## **Pendekatan Semiotik**

Pendekatan semiotik memerlukan penganalisis mencari penggunaan tanda-tanda dalam sesebuah karya. Tanda-tanda tersebut diungkap melalui penanda, mengikut paradoks dan kontradiksi penggunaan stail dan mekanisme penciptaan sesebuah karya yang dikuasai oleh pengarang. Maka, penganalisis menggunakan semiotik untuk memberikan makna bagi tanda-tanda dalam teks yang dikaji. Semiotik melihat karya dalam perspektif yang lebih luas. Prinsip kedua daripada pendekatan semiotik menuntut penganalisis memperhatikan hubungan sistem sesebuah teks yang dikaji dengan sistem yang ada di luar teks tersebut; iaitu segala perkara yang membawa kepada lahirnya teks tersebut. Ini merangkumi sistem hidup dan kebudayaan

masyarakat yang menjadi sumber inspirasi penghasilan teks yang dikaji. Segala ungkapan atau tanda-tanda yang dicerakinkan dari dalam teks memainkan peranan yang penting bagi kewujudan satu bentuk sistem dalam pembinaan teks tersebut. Maka, prinsip ketiga dalam pendekatan semiotik memberi penghargaan terhadap pengarang dan kepengarangannya. Ini menjelaskan bahawa terdapat sebab bagi penggunaan setiap ungkapan yang dihasilkan dalam teks kerana segalanya mempunyai pengertiannya yang tersendiri. Sebagaimana yang telah dijelaskan, kajian ini akan didasari oleh teori semiotik yang dipelopori oleh Charles Sander Peirce. Kajian ini menganalisis teks dengan mencari dan menilai tanda-tanda yang digunakan melalui ikon, indeks dan simbol. Ikon merujuk kepada tanda-tanda yang menjadi bayang, yang mirip mahupun yang menyerupai sesuatu benda atau perkara. Indeks pula merujuk kepada tanda-tanda yang terhasil daripada sesuatu fenomena, simptom ataupun sesuatu perkara yang bersebab. Manakala, simbol pula merujuk kepada perlambangan yang sedia difahami dan membawa pengertian.

Definisi simbol (kata benda) memberi erti lambang, manakala simbolik (adjektif) bererti sebagai lambang, menjadi lambang, mengetahui lambang. Simbolisme pula bermakna perihal pemakaian simbol (lambang) untuk mengekspresikan idea-idea. Menurut P. Gauguin and O Redon, *Ensiklopedia VI hal. 3178*: Simbolisme adalah gerakan baru dalam seni. Dalam hal ini seni lukis sebagai reaksi terhadap gerakan naturalisme, di mana gerakan naturalis mengutamakan gerakan yang sewajarnya atau sesuai dengan hal-hal yang nyata. Seseorang tidak usah melukiskan kenyataan secara saksama (naturalis) dan setiap warna, bentuk, mahupun garis tetapi dapat menimbulkan berbagai perasaan atau makna simbolis.

Menurut Charles Sanders Peirce (Teori Trikonomi Semiotika Arsitektural), simbol merupakan tanda yang hadir kerana mempunyai hubungan yang sudah disepakati bersama atau sudah memiliki perjanjian (*arbitrary relation*) antara penanda dan petanda. Dalam *Meaning and Behavior in the Built Environment*, Peirce membahagi *sign* menjadi 3, iaitu:

*Iconic sign* (Ikon). Sign yang mengingatkan kita pada objeknya melalui beberapa macam persamaan yang kompleks. *Indexial sign* (Indeks). Tanda yang menunjukkan pada objek tertentu dalam hal fizikal, maknanya dapat dibaca tanpa simbol pengetahuan budaya. Terdapat hubungan yang eksis antara signifier (*symbol*) dengan

signified (konsep). Contoh: jendela bererti mempunyai fungsi untuk melihat *view*. Manakala *symbol* (simbol) yang dipelajari sebagai makna sesuatu dalam konteks budaya tertentu. Dalam *sign, symbol and architecture*, Charles Sanders Peirce menjelaskan *symbol* adalah suatu tanda atau gambar yang mengingatkan kita kepada penyerupaan benda yang kompleks yang diertikan sebagai sesuatu yang dipelajari dalam konteks budaya yang lebih spesifik atau lebih khusus.

## **TAFSIRAN KEPERIBADIAN DARIPADA NOVEL *RATAP RABITAH* DAN *ANAK MAT LELA GILA***

*Ratap Rabitah (RR)* sebuah novel yang bermain dengan lambang. Unsur perlambangan dalam novel ini dapat dianalisis secara simbolisme (*symbol*) daripada teori kajian semiotik. Berdasarkan teori semiotik Pierce, aspek ikon lebih membawa kepada analisis tentang perwatakan. Pengarang mengungkapkan persoalan secara halus dan berlambang. Membawa tema kekeluargaan. Rabitah seorang nenek berusia 100 tahun berusaha mempertahankan rumah dan warisan pusaka nenek moyang yang ingin dijual oleh anak cucunya demi keuntungan.

Novel ini mengangkat kisah Rabitah seorang nenek yang mempunyai 10 orang anak berkonflik dengan anak cucunya yang ingin menggadai segala rumah dan tanah pusaka yang dipunyai oleh mereka kerana gilakan wang dan harta. Oyang Denan, moyang Rabitah merupakan peneroka yang membuka Pulau Gunung Cengal dan membina sebuah rumah Melayu penuh keindahan seni yang diperbuat daripada kayu cengal yang terbaik. Pulau Gunung Cengal kini hanya diduduki oleh enam orang tua serta Rabitah, dan mendapat tawaran daripada pemaju-pemaju untuk membangunkan pulau tersebut, sekali gus menghapuskan semua warisan bangsa yang terdapat di Pulau Cengal yang menyimpan banyak peristiwa sejarah.

Sejarah Oyang Denan yang mengembara setelah terlepas daripada menjadi buruh paksa Belanda di Pulau Jawa, dan kemudian membuka penempatan di Pulau Cengal sehinggalah kepada sejarah Rabitah yang berjuang menentang penjajah Inggeris dan Belanda di Nusantara sehingga dipenjarakan. Namun semua ini dilupakan oleh anak-anak dan cucu-cucu Rabitah.

Anak-anak Rabitah bertukar menjadi manusia moden yang bukan sahaja melupakan warisan bangsa, bahkan menghinanya. Mereka

menjadi tamak dengan harta dan ingin menggadai semua warisan pusaka, terutama anak sulungnya Mohd Yasser dan isterinya Khazanah disokong oleh anak-anak mereka, Johan, Adam dan Syakirah. Rabitah menentang tetapi usia tuanya menjadikan dia tidak mampu berbuat apa-apa. Pada akhir cerita cucu Rabitah (Johan dan Adam) dihempap oleh tiang-tiang cengal rumah pusaka yang diruntuhkan mereka. Anak Rabitah, Siti Mestika dan Mohd Maamor kembali dan berjanji akan menjaga Rabitah serta mempertahankan warisan pusaka Melayu nenek moyang mereka.

Novel ini bergerak dalam laras bahasa sastera yang dipenuhi dengan unsur perlambangan dan metafora. Diksi yang digunakan mendekati unsur perlambangan dan metafora. Walau bagaimanapun, novel ini masih mengekalkan bentuk bahasa yang mudah difahami keseluruhannya. Novel ini banyak bermain dengan monolog Rabitah malah menggerakkan ceritanya melalui monolog Rabitah. Monolog menjadi pengucapan utama dalam novel ini dalam menyatakan persoalan dan konflik, sementara dialog digunakan sebagai medium penceritaan dalam menggerakkan watak-watak lain.

Plot novel ini bergerak tanpa mengikut kronologi. Plot bergerak ke belakang, ke hadapan dan ke waktu tertentu dalam pergerakan hidup watak atau pernyataan peristiwa yang khusus. Walau bagaimanapun, plotnya diatur kemas sungguhpun bergerak culang caling tanpa mengikut kronologi. Setiap peristiwa mempunyai kaitan antara satu sama lain dan bertindak jelas sebagai pendukung mahupun penyambung kepada peristiwa yang lain. Penyusunan plot telah melanggar bentuk konvensional dengan ketara. Kemudian dari segi perwatakan, ia telah memunculkan sudut pandangan orang pertama dengan mewujudkan Rabitah sebagai 'Saya' yang mengalikan cerita dan konflik keseluruhan cerita.

Sudut penataan latar, novel ini telah mewujudkan Pulau Gunung Cengal yang melambangkan sesuatu yang tersirat khususnya sebagai lambang wilayah alam Melayu yang terancam tradisi kedaulatannya. Terdapat penggunaan unsur metafora dan metonimi yang ketara dalam menghadirkan lambang-lambang seperti cengal, rumah pusaka, tanah pusaka, dan Pulau Gunung Cengal itu sendiri. Novel ini kaya dengan teknik-teknik non-konvensional yang memberi nafas serta dimensi yang berbeza daripada karya-karya lain.

Sebuah lagi novel ialah *Anak Mat Lela Gila*. Menurut Hooker (2000: 163), dalam AMLG, yang diterbitkan selepas beberapa tahun *Putera Gunung Tahan*, struktur naratifnya menyamai hikayat Melayu

yang tradisional. Kedua-dua naratif itu pengarang mencampur adukkan unsur keajaiban dan kekaguman dengan realiti dan keadaan kontemporari. Tujuannya adalah untuk menimbulkan unsur-unsur fantasi dan menonjolkan jarak antara 'cereka' dengan 'fakta' yang menunjukkan adanya unsur paradoks dan ilusi yang dibayangkan oleh pengarang kepada pembacanya sebagai satu ciri dalam karyanya.

Dalam *AMLG*, Bulat memerlukan buluh ajaibnya dan ilmu yang diturunkan oleh Tuk Batin Sakai (Alang) untuk menghadapi dengan jayanya kehidupan di Kota Metropolitan Singapura. Pendidikan Barat tidak perlu kepada protagonis untuk menghasilkan sesuatu dengan jayanya. Walau bagaimanapun, individu haruslah mengenal pasti jenis ilmu yang diperlukan dan menentukan apa yang sebaik-baiknya untuk membolehkan berjaya.

### **Simbolik Keperibadian Rabitah dalam *Ratab Rabitah***

Keperibadian merupakan perihal peribadi, sifat (watak, ciri-ciri, tingkah laku dan sebagainya) yang khusus terdapat pada seseorang dan juga bangsa. Manakala personaliti juga merujuk keperibadian dan perwatakan. Rabitah yang berusia 100 tahun, mempunyai 10 anak, anak Melayu Jawa yang berdarah campuran Melayu dan Indonesia. Beliau juga merupakan seorang pejuang yang turut membantu Semenanjung Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Rabitah berjuang bersama-sama Lilin Melayu yang menjadi akhbar rasmi Parti Juang yang berpusat di Kuala Lumpur, yang berjaya mengukuhkan kembali kestabilan politik bangsa Melayu di Gugusan pulau-pulau Melayu. Rabitah pernah berjuang dalam Pertubuhan Pemuda dan Barisan Harmoni Watan dan Iman Watan bagi menentang kemasukan Belanda yang menawan Bukit Tinggi dan Padang.

Bagi Rabitah, takut akan kematian tiada dalam kamus hidupnya. Contohnya dia tidak takut akan penjajah Belanda yang mahu membunuhnya dengan pelbagai cara, terutama ketika bapa saudaranya ditangkap kerana Belanda mahu Rabitah menjadi pengganti jika mahu membebaskan bapa saudaranya itu. Seorang wanita yang berani dan bersemangat kental. Rabitah pernah menyamar sebagai lelaki demi berjuang untuk membela bangsa dan negaranya. Walaupun dia dicemuh dengan kata-kata yang menyakitkan, namun dia masih tetap berjuang bagi memastikan tanggungjawab sebagai pembela bangsa berjalan dengan baik.

Sebagai pejuang tanah air, Rabitah dihormati oleh pelbagai bangsa. Contohnya, dia disambut dengan hormatnya oleh Ketua persatuan Parti Pekerja Melayu – Jawa dan persatuan-persatuan wanita Cina dan India di seluruh Kepulauan Melayu. Rabitah pernah menjadi ketua umum ibu bagi Parti Juang, ahli parti Amal Cawangan Singapura, Ketua Muslimah Parti Amal, menyertai pergerakan kebangsaan Kepulauan Melayu/ Nasional Peribumi Tanah Melayu dan angkatan Pemuda Cergas, menjadi Ketua wanita Pertubuhan Kaum Ibu tanah Orang Jawa dan Persatuan Puteri Merapi Nyai Teja Kartini. Rabitah juga pernah dilantik menjadi anggota Majlis Tertinggi Parti Juang, juga telah menubuhkan Persatuan Wanita Merah Baru, iaitu pertubuhan yang menjaga kebajikan wanita-wanita peribumi segugusan pulau-pulau Melayu. Rabitah turut menjadi Bendahari Pertubuhan Melayu sepulau yang ditubuhkan di Johor Baharu, memasuki pergerakan kebangsaan Kepulauan Melayu Jati, iaitu sebuah pergerakan wanita, mewujudkan jalinan politik yang penting dan kukuh dalam dunia politik perempuan-perempuan hebat di Kepulauan Melayu, menjadi Setiausaha kaum ibu di cawangan Parti Juang Johor Baharu dalam mesyuarat agung parti di Melaka dan berjaya menghasilkan jalinan politik terpenting dan kukuh bagi pergerakan perjuangan politik Melayu di gugusan Pulau-pulau Peribumi Melayu.

Rabitah seorang wanita yang sabar, gigih dan tidak mudah menyerah kalah. Rabitah begitu sabar dalam perjuangannya, walaupun mendapat tentangan daripada pelbagai pihak. Rabitah seorang perempuan yang tentunya punya tanggungjawab terhadap keluarga. Rabitah seorang yang bertanggungjawab dan banyak berkorban jiwa dan masa untuk memberi kesedaran dan membakar semangat perjuangan wanita Melayu sehingga dia sanggup menjelajah ke banyak tempat di seluruh pelosok negeri untuk membakar semangat wanita Melayu. Watak Rabitah juga digambarkan sebagai seorang kakak dan penasihat yang baik kerana selalu menasihati dan memberi kata-kata sokongan yang berguna kepada Dayang Suri supaya meneruskan sisa-sisa hidupnya dengan tabah daripada terus meratapi kisah-kisah masa lalunya.

Gambaran alam semula jadi yang menunjukkan dekatnya kehidupan dengan alam yang luas terbentang ciptaan Tuhan. Selagi manusia memahami menghargai sumber alam, semakin dekat dengan ketakwaan dan ketuhanan. Semakin dekat dengan ketuhanan, semakin tawaduk dan tingkatan iman juga. Simbol alam semula jadi sebagai gambaran dekatnya keperibadian watak sekali



gus keperibadian pengarang dengan kosmologi yang melingkungi kehidupan seluruhnya. Dalam konteks ini, kosmologi Melayu dan Islam ketara ditunjukkan pada simbol pohon cengal / kayu cengal, pulau, ombak/ laut/ angin/ matahari, gunung cengal, dusun/ kebun, sekepal tanah, langit/ awan/ hujan/ pokok/ hutan.

Simbolik daripada binaan manusia dikesan melalui ‘Rumah’ seperti petikan berikut:

“Tidak ada bezanya rumah itu dengan diri saya, kedua-duanya mahu mereka hapuskan dari terus tercacak di atas muka pulau ini.” (hlm. 13)

“Dindingnya; dinding hati saya yang sepi, yang sunyi, yang gelap gelita dan tidak lagi berdaya. Itulah dinding gua purba dan dinding batu yang tertimbus di perut bumi beratus-ratus tahun. Itulah dinding hati saya yang roboh.” (hlm. 14)

“Lantainya, lantai jiwa saya yang derita...” dan “Itu pun bumbungnya, pintunya, lantainya, tingkapnya, tangganya, serambinya dan dapur pelantarnya.” (hlm. 14)

Simbol buatan manusia ini menggambarkan keperibadian individu yang tidak dipedulikan lagi, malahan tafsiran yang lebih jauh adalah tentang nasib bangsa yang jauh tertinggal daripada segi kekuatan peribadi. Bangsa yang terhakis dan semakin hilang jatidirinya.

Dalam Ratab Rabitah, aspek keagamaan tidak dapat dielakkan, memandangkan peribadi yang berpegang teguh kepada ajaran agama Islam. Simbol keagamaan dapat mengesani perwatakan berpandukan ciri-ciri karakteristik (Yusuf Al-Qardawi (1983 dalam Al-Khashooish Al-Ammah Li Al-Islam). Terjemahan oleh Rofi’ Munawwar dan Tajuddin, Karakteristik Islam; Kajian Analitik.

- i. Rabbaniyah (Ketuhanan) Karakteristik pertama daripada karakteristik umum bagi Islam ialah Rabbaniyah. Yang dimaksudkan oleh Rabbaniyah di sini adalah meliputi dua kriteria:
  - a. Rabbaniyah Ghoyah (tujuan) dan Wijhah (sudut pandang) – islam itu menjadikan tujuan akhir dan sasarnya yang jauh ke depan, iaitu dengan menjaga hubungan dengan Allah secara baik dan mencapai redhanya. Itulah tujuan utama Islam, dan pada gilirannya merupakan juga tujuan akhir, sasaran, puncak cita-cita, usaha dan kerja keras manusia di alam fana ini.

- b. Islam itu mempunyai tujuan-tujuan dan sasaran-sasaran lain yang bersifat *social humanity* (kemanusiaan) dan sosial kemasyarakatan.
- ii. Rabbaniyah Mashdar (sumber hukum) dan Manhaj (sistem) – manhaj yang telah ditetapkan oleh Islam guna mencapai sasaran dan tujuan itu adalah manhaj Rabbani yang murni, kerana sumbernya adalah wahyu Allah kepada Rasulullah s.a.w. manhaj ini tidak lahir sebagai sebuah rekayasa dari ambisi perseorangan (individu), keluarga, golongan, parti atau ambisi daripada negara tertentu. Tetapi manhaj datang dari iradat Allah yang menginginkannya sebagai hidayat dan nur (cahaya penerang), penjelas dan khabar gembira, penawar dan ubat dan rahmat bagi hamba-hamba-Nya.
- iii. Insaniah (Kemanusiaan) – Islam itu istimewa dengan kecenderungan kemanusiaannya yang jelas, tetap dan asholah (original) dalam akidah, ibadat, syariat dan orientasi-orientasi (arahan-arahan)nya.
- iv. Syumul (Universal) – bahawa sesungguhnya Islam itu syumul yang meliputi semua zaman, kehidupan dan eksistensi (keberadaan) manusia.
- v. Al-Wasthiyyah (Moderat/ Keseimbangan) – Keseimbangan antara dua jalan atau dua arah yang saling bertentangan, iaitu salah satu dari dua jalan tadi tidak bisa berpengaruh dengan sendirinya dan mengabaikan yang lain. Juga salah satu dari arah tersebut tidak mengambil hak yang lebih banyak dan melampaui yang lain.
- vi. Al-Waqi'iyah (Kontekstual) – adalah mengakui realiti alam ini sebagai satu hakikat yang faktual dan memiliki eksistensi yang terlihat. Dengan pengertian bahawa, hakikat di sini menunjukkan pada sebuah hakikat yang jauh lebih besar, menunjukkan wujud yang jauh lebih abadi daripada wujud alam ini. Wujud itu adalah sebuah wujud yang ada dengan sendirinya, yakni wujud Allah Sang Pencipta segala sesuatu, serta menentukan ukuran-ukurannya secara tepat.
- vii. Al-Wudhuh (Jelas) – yang berhubungan dengan ushul dan qawa'id, atau yang berhubungan dengan mashadir (sumber hukum) dan

manabi' (tempat pengambilan hukum) atau yang berhubungan dengan sasaran dan tujuan atau yang berhubungan dengan manjah dan wasilah (sarana).

viii. Simbol Mitologi

a. Parti Juang, sebuah parti yang dikaitkan dengan penglibatan Rabitah.

ix. Simbol Abstrak

a. Ungkapan 'saya' pada watak Rabitah. Sebagai narator. Pencerita serba tahu.

b. Suara. "Apakah itu hanya suara masa lalu saya?" (hlm. 23).

c. Sebagai ibu (yang merupakan manusia manusia).

x. Simbol Kespontanan atau Simbol Individu

Usia Rabitah dinyatakan dalam novel ini adalah 100 tahun. Angka ini sebagai perlambangan yang perlu ditafsirkan. Kawan-kawan Rabitah tua. Kenapa watak ini terus dihidupkan, tidak mati-mati? Usia 100 tahun ditafsirkan tujuh keturunan.

### **Simbolik Keperibadian Watak Mat Lela dalam *Anak Mat Lela Gila***

Judul novel ini menggunakan nama Mat Lela, walaupun watak utama dan fokus penceritaan ialah watak Bulat. Mat Lela mempunyai perlakuan yang ganjil berbanding orang biasa. Maka dia dianggap gila. Ketidak logika yang dilalui oleh watak Mat Lela sengaja digarap oleh pengarang untuk ditafsirkan. Sebagai sebuah karya yang 'bermain' secara kreatif, garapan tentang watak Mat Lela menimbulkan unsur humor. Dalam tafsiran semiotik **Mat Lela** merupakan ikon dalam penjelmaan watak Melayu yang mempunyai kehumoran dan tersendiri kerana kegilaan dan keanehannya. Sikap Mat Lela digambarkan oleh pengarang:

Oleh sebab itu segala perbuatannya dan pekerjaan-pekerjaannya – membuat bata daripada tanah liat, mengukir kemaluan laki-laki daripada kayu, mendirikan rumah yang tidak berpintu, bertingkap dan bertangga, di dalam semak membuat not daripada selupat upih pinang, menyapu kawasan masjid dan lain-lain lagi itu semuanya disifatkan sebagai perbuatan orang gila jua. (Ishak Haji Muhammad, 1960, hlm. 17)

Mat Lela mengingatkan kepada ikon jenaka Melayu dalam cerita rakyat seperti Pak Pandir, Lebai Malang dan Pak Kaduk. Walaupun ada interpertasi yang menuntut pemikiran semula daripada sudut negatifnya, namun dalam kehidupan seharian watak-watak sebegini tetap wujud sepanjang zaman. Malahan terdapat dalam mana-mana bangsa di dunia ini. Kebodohan, kegilaan dan keanehan merupakan satu sindiran dan kiasan kepada masyarakat umum. Mat Lela mewakili segelintir anggota masyarakat yang mengasingkan diri dan melakukan sesuatu mengikut kehendak hatinya. Kelebihan yang ada pada Mat Lela sebagai ikon kepada kegilaan dan keanehan itu sendiri. Bab atau bahagian kedua membincangkan makna gila dan persamaannya yang berkaitan dengan pandir dan sasau.

Pengarang menerangkan perbezaan antara makna gila penyakit otak dengan tingkah laku yang ganjil. Demikian dihuraikan tentang watak Mat Lela, seorang lelaki yang ganjil perawakannya dengan rambutnya sepanjang rambut perempuan dan tingkah lakunya yang aneh seperti bercakap seorang diri dan bersendirian berjam-jam di dalam hutan. Keadaan demikian menyebabkan orang kampung menganggapnya gila lalu memanggilnya Mat Lela Gila. Mat Lela yang dianggap gila itu mempunyai sifat bertanggungjawab untuk menyerahkan barang-barang yang ditemui bersama-sama Bulat ketika dijumpai kepada orang yang menemuinya. Mat Lela mengumpulkannya lalu memasukkan ke dalam labu air kemudian menghanyutkan ke sungai. Walaupun sebelum ini digambarkan Mat Lela itu bodoh dan gila, tetapi tindakan sedemikian dilihat berakal dan berpandangan jauh.

Mat Lela mempunyai pemikiran yang kreatif namun dilihat aneh oleh masyarakat sekeliling. Mat Lela mempunyai penampilan yang pelik seperti digambarkan oleh pengarang, “Apakah yang ganjil padanya? Pertamanya, ia membiarkan rambut di kepalanya tumbuh panjang hingga mengerbang seperti rambut perempuan; seperti orang Hindu atau orang Sikh, tetapi misai dan janggut dicukurnya” (Ishak Haji Muhammad, 1960: 7). Selain itu, pengarang turut memberi komentar terhadap perlakuan masyarakat umum dibandingkan dengan perlakuan Mat Lela itu. Pengarang mengungkapkan, “Yang kedua dia selalu kelihatan dan didengar bercakap seorang diri; ketawa dan tersenyum seorang diri, merepek dan merungut seorang diri. Tetapi adakah berkata-kata seorang diri itu suatu tanda rosak atau kurang akal fikiran? Jikalau begitu gilalah belaka orang yang menyanyi, berdoa, membaca dan menjampi seorang diri!” (Ishak Haji Muhammad, 1960, hlm. 7).

Penceritaan dan pengungkapan dalam novel *Anak Mat Lela Gila (AMLG)* banyak menggunakan simbol dan perlambangan. Perlakuan, sikap, peribadi dan tindakan individu sebagai pelaku atau watak dalam sesebuah novel dapat ditafsirkan secara simbolik. Perilaku secara simbolik dalam sesebuah novel dikenalpasti daripada pengungkapan dialog dan juga pernyataan naratif dalam penceritaan.

Penyampaian cerita *AMLG* secara berlucu dan bergurau-senda namun tersirat makna yang tersembunyi. Dengan latar rimba yang bermula di Cameron Highland, dikisahkan pertemuan Bulat dengan Alang, orang Sakai keturunan Batin Sukun yang sangat terkenal. Bulat belajar ilmu selok-belok kehidupan daripada Alang. Pertemuan Bulat dengan Alang ialah pertemuan anak muda Melayu dengan keaslian kebudayaan dan adat resam, serta kemurnian pusaka peninggalan nenek moyang yang sudah kian hilang daripada perhatian anak-anak muda. Hal ini digambarkan sendiri oleh Alang bahawa anak-anaknya sendiri sudah menjauhkan diri mereka daripada kehidupan hutan rimba.

Daripada dimensi politik, tindakan mengumpulkan bata-bata menunjukkan kepandaian dan kebolehan bangsa yang dijajah sama dengan penjajah. Kemajuan fizikal seperti bangunan-bangunan batu boleh dibuat malah batu-batu itu boleh disimpan di rumah kayu. Kritikan Melayu di sini bahawa penjajah (Inggeris, contohnya) bukanlah perlu diagungkan sebaliknya berada di bawah kekuasaan yang dijajah (Melayu) juga jika kena caranya. 'Bata' yang mewakili penjajah dan 'rumah' yang mewakili yang dijajah menunjukkan perkaitan kuasa dan dikuasai secara perlambangan. Begitu juga dengan perbuatan membuat not (wang kertas) daripada upih pinang adalah simbol yang halus tentang kuasa, material dan harga diri.

## PENUTUP

Berdasarkan analisis struktur tematik, Watak Rabitah telah membawa tafsiran bahawa simbol keperibadian ini mempunyai maksud dan tujuan secara sinikal. Terdapat keseriusan dalam penyampaian maksud ini secara naratif penceritaan yang lancar. *Ratab Rabitah (RR)* sebuah novel yang penting untuk mengesani dimensi-dimensi yang tersendiri, mempunyai perlambangan khususnya perwatakan Rabitah yang menjadi tunggak utama perjalanan novel ini.

*RR* diterbitkan pada tahun 2012 manakala *AMLG* pada tahun 1960. Tempoh dan jarak masa yang jauh ini memperlihatkan situasi zaman dan perkembangan budaya dalam masyarakat, khususnya masyarakat Melayu di Malaysia. Individu yang hadir dalam masyarakat, yakni seperti Rabitah dan Mat Lela jumlahnya tidak banyak, malahan boleh dikatakan sangat kecil kemungkinannya. Namun demikian, para pengarang seperti Aminah Mokhtar dan Ishak Haji Muhammad ini telah memberikan satu pilihan tentang watak dan keperibadian untuk ditafsirkan.

Demikian juga dalam *Anak Mat Lela Gila*, Perilaku Mat Lela adalah sindiran terhadap individu dalam masyarakat itu sendiri. Pengarang menghantar pesanan bahawa dalam kebijaksanaan ada kebodohan dan sebaliknya, dalam kegilaan ada rasionalnya. Walaupun perlakuan Mat Lela ini asing dalam masyarakat sebenar, namun dalam sebuah fiksiyen watak Mat Lela hidup dengan cara dan kesendiriannya. Latar kepengarangan novel ini adalah sebelum kemerdekaan Tanah Melayu (Malaysia) ketika itu. Suara untuk mengkritik penjajah mahupun pemerintah seharusnya dikawal. Melalui penceritaan dan penulisan, pengarang menyelar sikap pemerintah dan keburukan penjajahan malahan sikap masyarakat.

## **RUJUKAN**

- Aminah Mokhtar. (2012). *Ratap rabitah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Hooker, Virginia Matheson. (2000). *Writing a new society social through the novel in Malay*. Australia: Allen & Unwin.
- Ishak Haji Muhammad. (1960). *Anak Mat Lela Gila*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
- Pierce, Charles Sanders. (1965). *Collected papers charles sanders pierce (Vol. I & II)*. Cambridge Massachusetts: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Yusof Al-Qardawi. (1996). *Karakteristik islam*. Surabaya: Penerbit Risalah Gusti.